

## 1,095 pelajar ditempatkan di UniKL MFI tahun ini



Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI) akan mengambil seramai 1,095 pelajar tahun ini untuk mengikuti tiga belas bidang kursus yang ditawarkan.

UniKL MFI merupakan salah sebuah kampus cawangan Universiti Kuala Lumpur, institusi pengajian tinggi milik MARA, yang menawarkan program-program teknologi kejuruteraan dengan pengkhususan dalam automasi, elektrik, mekanikal dan penyelenggaraan.

Program yang ditawarkan di peringkat

Ijazah Teknologi Kejuruteraan (Kepujian) dengan pengkhususan dalam bidang Penghawa Dingin dan Penyejuk Bekuan, Penyelenggaraan Automotif, Automasi Industri dan Robotik, Pembuatan Peralatan Mesin, Mekatronik, Kimpalan dan Pemeriksaan Kualiti.

Di peringkat diploma pula ialah bidang Sistem Automasi dan Penyelenggaraan, Penyelenggaraan Automotif, Penghawa Dingin dan Penyejuk Bekuan, Peralatan Elektrik dan Pemasangan, Pembinaan Mesin

dan Penyelenggaraan, Fabrikasi Keluli dan Kimpalan.

Ketua Kampus dan Dekan UniKL MFI, Prof Madya Haron Abas (**gambar**) berkata, pada masa kini universiti berkenaan mempunyai seramai 2,619 pelajar, 186 pensyarah dan 86 staf sokongan.

"Pada tahun ini kita akan fokus sebagai universiti penyelidikan untuk mencapai status kecemerlangan," katanya.

Menurutnya lagi, antara kursus yang menarik perhatian ramai pelajar untuk mengikuti

kursus di sini ialah dalam bidang automotif, mekatronik, kimpalan dan beberapa kursus lain.

"Kini kami telah melahirkan seramai 3,871 orang graduan sejak diwujudkan pada tahun 1996," katanya.

Beliau berkata, di samping melahirkan jurutera teknologi, UniKL MFI juga telah berjaya melahirkan pakar-pakar berkemahiran tinggi yang telah berjaya membuka perniagaan sendiri sehingga ada sesetengahnya yang sudah pun menjadi jutawan.

# UniKL MFI sediakan laluan ikuti pengajian di Perancis

Oleh **ABDUL RAZAK DIN**

**UNIVERSITI** Kuala Lumpur Malaysia France Institute atau ringkasnya dikenali sebagai UniKL MFI menawarkan program-program teknologi kejuruteraan dengan pengkhususan automasi, elektrik, mekanikal dan penyelenggaraan. Terletak di Bangi, Selangor, UniKL MFI merupakan salah sebuah kampus cawangan Universiti Kuala Lumpur, sebuah universiti teknikal milik penuh Majlis Amanah Rakyat (MARA).

Program yang ditawarkan di peringkat Ijazah Teknologi Kejuruteraan (Kepujian) dengan pengkhususan dalam bidang Penghawa Dingin dan Penyejuk Bekuan, Penyelenggaraan Automotif, Automasi Industri dan Robotik, Pembuatan Peralatan Mesin, Mekatronik, Kimpalan dan Pemeriksaan Kualiti.

Di peringkat diploma pula ialah bidang Sistem Automasi dan Penyelenggaraan, Penyelenggaraan Automotif, Penghawa Dingin dan Penyejuk Bekuan, Peralatan Elektrik dan Pemasangan, Pembinaan Mesin dan Penyelenggaraan, Fabrikasi Keluli dan Kimpalan.

Program yang ditawarkan di UniKL MFI menggambarkan keseimbangan modul iaitu antara praktikal dan teknologi terkini yang mana jurusan ini diperhalusi untuk menepati aplikasi praktikal dan teori.

Sinonim dengan namanya, selain dari menawarkan program-program Diploma dan Ijazah, UniKL MFI turut menawarkan program Persediaan Pre-France untuk pelajar-pelajar lepasan SPM melanjutkan pelajaran di Perancis.

"Di peringkat awal penubuhan UniKL MFI ini dalam tahun 1996, beberapa kumpulan lepasan dari IKM dan ILP telah diambil untuk meneruskan pengajian mereka di



peringkat diploma di UniKL MFI sebelum terpilih untuk melanjutkan pengajian di beberapa universiti di Perancis dibawah satu program khas yang disediakan oleh MARA. Ada diantara mereka dari kumpulan ini yang berkhidmat sebagai pensyarah di UniKL MFI sekarang kerana kami yakin akan kemampuan mereka membawa sesuatu yang baharu untuk dikongsi bersama dengan pelajar-pelajar di sini," kata Pengarah

Bahagian Pembangunan Teknousahawan dan Inovasi UniKL, Prof Madya Dr. Mazliham Mohd Su'ud (**gambar**) ketika ditemui di UniKL MFI baru-baru ini.

Enam universiti telah dipilih oleh MARA untuk menempatkan pelajar-pelajar berkenaan iaitu Universite de Nice Cote d'Azur, Universite Marseille II, Universite de Toulon, Universite de Toulouse Paul Sabatier, Universite de La Rochelle dan Conservatoire National des Arts et Métiers (CNAM).

Sehingga kini seramai lebih 100 orang pelajar melanjutkan diploma UniKL MFI dan Institut Kemahiran Tinggi MARA, yang sebelum ini merupakan pelajar lepasan pelajar IKM dan ILP dan telah berjaya melanjutkan pelajaran di universiti-universiti tersebut dibawah program khas MARA di dalam bidang elektrik, automasi, penghawa dingin, kimpalan dan fabrikasi keluli.

Walaupun bagaimanapun, program penghantaran pelajar lepasan Diploma ke Perancis ini telah ditamatkan semenjak UniKL MFI menawarkan program-program

di peringkat Ijazah yang mana beberapa program Ijazah UniKL MFI ini telah turut dibangunkan dengan kerjasama universiti dari Perancis.

Selain dari peluang yang diberikan kepada lepasan diploma dari UniKL MFI dan Institut Kemahiran Tinggi MARA, UniKL MFI juga telah berjaya menghantar lebih 200 orang pelajar lepasan SPM ke beberapa universiti di Perancis melalui program Persediaan Pre-France yang masih ditawarkan sekarang.

Melalui program ini, para pelajar lepasan SPM yang dipilih oleh pihak penaja (iaitu MARA, JPA dan beberapa Yayasan Negeri) akan menjalani program persediaan Pre-France selama 20 bulan (4 semester) di UniKL MFI. Sepanjang program persediaan ini, para pelajar akan mengikuti pengajian yang merangkumi matapelajaran intensif Bahasa Perancis dan matapelajaran sains dan teknikal yang berkaitan.

Selepas para pelajar berjaya menamatkan program persediaan 20 bulan di UniKL MFI, para pelajar akan berangkat ke Perancis pada bulan April, dan akan mengikuti program "bridging" selama 4 bulan sebelum meneruskan pengajian selama 2 tahun pertama di Institut Universitaire de Technologie (IUT), seterusnya

melanjutkan pelajaran ke tahun 3 (Bachelor) hingga ke tahun ke 5 (Master) di beberapa buah Universiti dan Ecole Ingenieur. Melalui program "bridging", para pelajar akan menjalani program pengukuhan bahasa dan serta budaya Perancis kerana mereka akan ditempatkan dengan keluarga-keluarga angkat.

Program Pre-France ini dilaksanakan dengan perjanjian kerjasama di antara pihak UniKL dan Campus France (sebuah agensi di bawah Kementerian Pelajaran Perancis).

"Melalui program penghantaran pelajar ke Perancis ini ia mampu melahirkan jurutera teknologi yang bukan sahaja berkemahiran dalam teori tetapi juga dari segi praktikal hasil daripada pemindahan teknologi yang dilaksanakan oleh universiti-universiti berpengalaman di Perancis.

"Ramai beranggapan pelajar Malaysia yang belajar di luar negara menghadapi masalah terutama dari segi bahasa tetapi kami di UniKL MFI mempunyai formula atau cara yang mantap untuk mencemerlangkan mereka kerana kini terbukti 95 peratus daripada pelajar yang dihantar ke Perancis lulus dengan cemerlang di sana," katanya.

"Kami mahu melahirkan siswa yang bukan setakat memahami teori yang diajar tetapi juga tahu mempraktikkan apa yang mereka pelajari, berkemampuan menjalankan kerja-kerja penyelidikan dan seterusnya menubuhkan perniagaan sendiri dengan kepakaran tinggi yang mereka miliki.

"Kami para pensyarah berasa bangga

dapat melahirkan teknokrat seperti ini kerana mereka bukan sahaja amat diperlukan di sektor industri pada masa kini tetapi mampu pula untuk menawarkan peluang pekerjaan kepada mereka yang berminat dalam bidang teknikal ini," katanya.

Mazliham berkata, kini pelajar-pelajar lepasan UniKL MFI yang melanjutkan pengajian di Perancis bukan sahaja mendapat peluang yang cerah untuk bekerja di sekitar 200 buah syarikat Perancis yang ada di negara ini disebabkan kebolehan mereka memahami bahasa tersebut tetapi mereka juga boleh bekerja di mana-mana organisasi yang lain kerana kebolehan mereka menguasai kedua-dua aspek teori dan praktikal.

Katanya, selain dari diterima dengan baik untuk bekerja di industri-industri kelulusan mereka juga diterima untuk bekerja di negara asing dengan bayaran yang tinggi dan bagi mereka yang menubuhkan perniagaan pula berjaya mengukuhkan lagi perniagaan mereka dengan menjalinkan kerjasama dengan rakan-rakan industri dari Perancis.

**Untuk keterangan lanjut**  
**Universiti Kuala Lumpur**  
**Malaysia France Institute**  
**Section 14, Jalan Teras Jernang,**  
**43650 Bandar Baru Bangi,**  
**Selangor Darul Ehsan.**  
**Tel: 03-8926 2022**  
**Fax: 03-8925 8845**



LATIHAN kecekapan pelajar dalam program peralatan elektrik dan pemasangan di UniKL MFI, Bangi.



KAMPUS UniKL MFI di Bangi, Selangor.

## Tidak sukar ikuti pengajian kejuruteraan dalam bahasa Perancis

MENGIKUTI pengajian bukan dalam bahasa ibunda kebiasaannya akan menimbulkan masalah komunikasi terutama untuk memahami pembelajaran lebih-lebih lagi untuk meraih keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

Ini kerana perbezaan budaya dan bahasa boleh menyebabkan prestasi pembelajaran terganggu dan mungkin membantutkan cita-cita untuk menggenggam segulung ijazah.

Bagaimanapun, UniKL MFI mempunyai cara tersendiri untuk memastikan pelajar-pelajar yang dihantar ke Perancis bagi mengikuti pelbagai kursus kejuruteraan pulang membawa kejayaan dengan cemerlang.

Walaupun mereka ini pada asalnya mencapai tahap sederhana dalam pelajaran tetapi pembelajaran di IKM atau ILP dan seterusnya di UniKL MFI banyak membantu melonjakkan pencapaian akademik.

"Sebenarnya MARA telah menyediakan asas yang kukuh sebelum menghantar pelajar-pelajar ke luar negara dengan program persediaan di dalam negeri supaya pelajar berkenaan dapat diterima di sana," kata **Norsehah Abd Karim** yang pernah mengikuti kursus industri automasi di Perancis.

Katanya, apa yang penting, mereka perlu mengikuti kursus intensif bahasa Perancis terlebih dahulu untuk mendapat kemahiran berkomunikasi dan penulisan.

"Kita tidak menghadapi banyak masalah kerana semasa di UniKL MFI kami mempunyai satu subjek yang diajar dalam bahasa Perancis dan setibanya kami di sana, kami diberi lagi kursus intensif dalam bahasa berkenaan.

"Cuma, terdapat sedikit kejutan budaya pada awalnya kerana kami terpaksa berkomunikasi dalam bahasa Perancis," katanya yang mengikuti kursus di Universite de Nice Sophia Antipolis selama tiga tahun. Bekas pelajar ILP cawangan Melaka itu kini berkhidmat sebagai pensyarah di UniKL MFI.



**NORSEHAH ABD KARIM**



**ANA SALWA RAMLI**



**LUKMAN HAKIM OMAR**



**MOHAMAD JURAIIDI JAMAL**



**AFFANDY OTHMAN**



**NAZATUL SHEEMA HUSSEIN**



**DAHIA ANDUD**



**MOHD. IZAM ABD JALIL**

menamatkan pengajian di peringkat sarjana dalam bidang yang sama," katanya.

**Ana Salwa Ramli** yang telah mengikuti pengajian dalam bidang mekanikal dan pengeluaran berkata, pelajar perlu pandai menyesuaikan diri dengan minat supaya memudahkan mereka mendalami sesuatu bidang yang dipelajari.

"Saya berminat dalam bidang reka bentuk mesin sejak dari zaman persekolahan lagi dan saya berusaha bersungguh-sungguh ke arah itu sehingga berjaya.

"Apa yang saya lakukan semasa di luar negara ialah belajar secara berkumpulan supaya ia memudahkan kami memahami sesuatu subjek itu dan melaluinya apa yang dicita-citakan akan tercapai," katanya.

**Nazatul Sheema Hussein** yang mengikuti kursus yang sama dengan rakannya di Perancis berkata, walaupun 100 peratus kuliah, buku, penulisan dan peperiksaan dalam bahasa Perancis ia tidak mematahkan semangat untuk mencapai kecemerlangan.

Bekas pelajar IKM Larkin, Johor Baharu itu berkata, beliau perlu memahaminya kerana sistem pembelajaran di negara itu berbeza dengan Malaysia.

"Kita perlu faham kerana apa yang diajar

dalam peperiksaan dan mereka perlu tahu lebih daripada yang diajar," katanya.

Beliau berkata, apa yang menarik belajar di sana ialah universiti memberi keseimbangan antara teori dan praktikal supaya pemindahan teknologi itu dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

**Affandy Othman** berkata, untuk belajar di Perancis mereka perlu betul-betul berminat dalam kursus yang diambil dan bukan atas desakan orang lain.

Beliau yang kini berkhidmat sebagai Pensyarah Elektrikal dan Elektronik di UniKL MFI berkata, untuk mendalami pengajian di sana pelajar memahami budaya mereka terlebih dahulu supaya mudah berbahasa dengan sesiapa sahaja.

"Saya mengambil masa sehingga setahun untuk mendalami bahasa Perancis dan selepas itu barulah mudah untuk cemerlang dalam pembelajaran," katanya.

Beliau berkata, walaupun keputusan SPM yang diperolehnya pada awalnya kurang memuaskan, beliau bersyukur kerana akhirnya dapat membawa pulang segulung ijazah.

"Alangkah bertuahnya saya walaupun pada awalnya saya kurang cemerlang dalam pendidikan tetapi saya akhirnya berjaya dengan

**Mohamad Juraidi Jamal** yang kini pensyarah Mekanikal dan Pengeluaran berkata, untuk memahami bahasa Perancis dengan cepat beliau terpaksa mendengar radio, menonton televisyen dan kadang-kadang mendengar lagu dalam bahasa Perancis untuk mempercepatkan penguasaan bahasa berkenaan.

"Saya kadang-kadang tidak mahir bercakap terutama sekali dari segi sebutan tetapi saya akhirnya berjaya mengatasi masalah itu dengan menonton TV, mendengar radio dan cara lain yang sesuai supaya kita memahaminya dengan mudah. Apa yang penting lagi kita mesti bergaul dengan masyarakat di sana," katanya.

**Dahia Andud** dari Kota Belud, Sabah berkata, melalui pembelajaran di Perancis beliau kini menjadi seorang pakar dalam bidang kimpalan.

Katanya, pembelajaran di Perancis banyak manfaatnya terutama dari kaedah pembelajaran secara "reverse engineering" supaya pelajar dapat betul-betul memahami apa yang mereka pelajari.

"Kami juga tidak digalakkan menggunakan mesin pengira kerana setiap pengiraan dilakukan hanya dengan mengongk sahaja," kata

pencaharian seseorang pelajar itu mesti atas 10/20 untuk melayakkan mereka memperolehi ijazah.

Katanya, ini disebabkan pihak universiti sangat mementingkan kualiti.

"Kita perlu siapkan projek mengikut masa yang ditetapkan kerana di sini ia menguji apa yang dipelajari sebelum ini," katanya **Mohd. Izam Abd Jalil** bekas pelajar IKM Perlis berkata, semua yang dipelajari di sana boleh digunakan dan diajar semula kepada pelajar-pelajar di sini.

Katanya, di samping itu pensyarah-pensyarah di sana sangat kreatif dan selalu memberikan sesuatu yang baru.

"Kebanyakan pensyarah memberi ilmu sesuatu daripada yang asas kepada yang kompleks supaya pelajar tidak ketinggalan dalam sesuatu bidang yang dipelajari.

"Mereka juga bekerja dengan pantas dan ini menjadi amalan orang di sana.

"Saya bersyukur MARA memberi peluang kedua untuk saya belajar sekali lagi walaupun saya hanya mendapat pangkat tiga dalam SPM sebelum berpulang menyertai program di IKM dan seterusnya di UniKL MFI hingga melanjutkan pengajian di luar negara," katanya.